

Headline	Ekorimba taman negeri jadi tarikan pelancong		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	02 Aug 2017	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	45,554
Page No	A8	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 794
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,383



Ekorimba taman negeri jadi tarikan pelancong

SEBANYAK 110 kawasan taman ekorimba atau dahulunya dikenali sebagai hutan lipur, dan lapan kawasan Hutan Taman Negeri yang terletak dalam hutan simpanan kekal, telah dibangunkan bukan



WAN JUNAIDI

sahaja sebagai daya tarikan pelancong, tetapi juga mampu menjana pendapatan baharu hutan kepada negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata kawasan berkenaan yang diurus oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) mempunyai ciri-ciri unik seperti landskap semula jadi serta kepelbagaiannya flora dan fauna yang berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi ekopelancongan hutan.

Beliau berkata pelbagai usaha dilaksanakan kementerian untuk menjana sumber pendapatan baharu bagi meningkatkan hasil pendapatan negara melalui ekopelancongan hutan, antaranya pemuliharaan ekosistem hutan semula

jadi atau konservasi in-situ seperti Taman Negara, Taman Negeri dan Tapak Warisan.

“Usaha pemuliharaan hutan yang terletak berhampiran kawasan bandar atau komuniti, dikenali sebagai ‘Urban Forest’. Usaha pemuliharaan hutan bersama pihak berkuasa tempatan adalah menerusi kerjasama MoU seperti dengan Majlis Perbadanan Putrajaya,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat.

Wan Junaidi berkata demikian ketika menjawab soalan Abdul Rahman Mohamad (BN-Lipis) mengenai usaha yang dilaksanakan oleh kementerian bagi menjana sumber pendapatan baharu bagi meningkatkan hasil pendapatan negara melalui ekopelancongan hutan.

Beliau berkata antara usaha dan kerjasama yang dilaksanakan JPSM dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi meningkatkan hasil pendapatan negara menerusi ekopelancongan hutan adalah projek pembangunan Cameron Highlands Montane Biodiversity Centre di kawasan Hutan Lipur Parit Falls, Tanah Rata di Cameron Highlands, Pahang.

Pihak pengangkutan kementerian juga bekerjasama dengan kementerian dan agensi lain khususnya Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi membantu pasukan renjer untuk melindungi keseluruhan sumber biodiversiti dan ekosistem negara, katanya. -Bernama